

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir  
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

**JKP 313 – Institusi Politik**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA** soalan. Bahagian A wajib dijawab. Pilih **DUA** soalan dari Bahagian B.

Baca arahan dengan teliti sebelum menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 100 markah.

**BAHAGIAN A (wajib)**

1. "Peranan Parlimen sangat penting kerana ia merupakan tulang belakang kepada segala tadbir urus di negara ini" (Datuk Seri Najib Tun Razak, Timbalan Perdana Menteri, ketika melancarkan pameran *Parliamentary Democracy – The Pillar of National Administration*, *The Star*, 28 Ogos 2007).

Sejauh manakah dakwaan di atas menepati realiti pemisahan kuasa institusi politik dalam sistem demokrasi moden? Berikan contoh dari sekurang-kurangnya sebuah negara maju dan sebuah negara membangun selain Malaysia.

(100 markah)

**BAHAGIAN B (jawab dua soalan)**

2. Berdasarkan pengalaman sekurang-kurangnya dua buah negara, bincangkan impak dua dari institusi tersebut dalam mempengaruhi percaturan kuasa antara badan perundangan, badan eksekutif dan badan kehakiman.

- (a) Badan bukan kerajaan (NGO)
- (b) Institusi ketenteraan
- (c) Sistem pilihanraya yang diamalkan
- (d) Media massa

(100 markah)

3. Bahaskan jawatan yang lebih berpengaruh di sudut politik: King / Queen di United Kingdom atau Yang diPertuan Agong di Malaysia.

(100 markah)

4. Takrifkan sistem pemerintahan bercorak persekutuan (*federal*). Bandingkan dan bezakan pengamalan sistem tersebut di Amerika Syarikat dengan di Malaysia.

(100 markah)

5. Berdasarkan kemelut yang menimpa badan kehakiman di Malaysia sepanjang tahun 2007 (anda dikehendaki memberi contoh-contoh episodnya), bahaskan kelebihan dan kelemahan diwujudkan sebuah Suruhanjaya Kehakiman untuk mengendalikan proses perlantikan hakim dalam sistem negara demokrasi.

(100 markah)